

Lelaki simpan motosikal curi dipenjara dan didenda

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan denda RM1,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menyimpan sebuah motosikal curi.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 19 Ogos lalu.

Majistret Ashok Linggam menjatuhkan hukuman itu selepas meneliti beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh yang menjimatkan masa dan kos mahkamah, rayuan, fakta kes, keseriusan kesalahan, nilai kerugian pengadu serta kepentingan awam.

Tertuduh, Tommy Hus-sain, 35, dari Kejaman, Baram, didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sekurang-kurangnya enam bulan dan tidak melebihi tujuh tahun serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh secara tidak jujur menyimpan harta curi iaitu sebuah motosikal jenis Honda Wave Alpha bernombor pendaftaran QM37xxx yang merupakan milik Margaret Unyu.

Kesalahan dilakukan pada jam 12.38 tengah malam, 19 Ogos lalu di hadapan Balai

Polis Lutong.

Dalam rayuan, tertuduh memohon hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya dan dia hanya bekerja sendiri.

Sementara dalam satu kes berasingan, Tommy yang mengaku tidak bersalah atas pertuduhan melakukan pecah rumah dan curi diperintahkan dibebas dengan jaminan RM2,500 berserta seorang penjamin tempatan.

Mahkamah menetapkan 25 September depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Menurut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan pecah rumah dengan memasuki sebuah premis dan mencuri sebuah komputer riba, sebuah telefon bimbit, sebuah mesin gerudi tangan dan sebuah cakera keras.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5.19 petang, 18 Ogos lalu di sebuah lot di Quadruplex, Bandar Baru Permyjaya di sini.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara lima tahun serta denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.